

02/02/1999

Pemuda serah hasil siasatan kepada MT

KUALA LUMPUR, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno akan menyerahkan hasil siasatan mengenai dakwaan berlaku penyelewengan aset Yayasan Gerak Bakti Kebangsaan (YGBK) kepada Majlis Tertinggi (MT).

Pemangku ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata dalam menyediakan hasil siasatan itu, Pemuda juga akan mendapatkan nasihat dan bimbingan MT.

"Kita mempunyai MT. Pemuda akan rujuk dan mendapatkan nasihat MT sebelum menyerahkan hasil siasatan itu.

"Malah kami juga akan mendapatkan bimbingan MT jika hala tuju, matlamat dan fungsi yayasan itu perlu kepada perubahan besar," katanya.

Semalam, Hishamuddin dilaporkan berkata, Pemuda Umno sedang menjalankan siasatan terperinci dakwaan bahawa YGBK yang ditubuhkan pergerakan itu untuk membasmikan kemiskinan, dikatakan tidak menggunakan asetnya bagi tujuan itu.

Siasatan ke atas YGBK dijalankan Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Pemuda Umno yang dipengerusikan Aziz Sheikh Fadzir. Ia bertujuan mengenal pasti senarai aset yayasan itu serta kewibawaan pemegang sahamnya.

YGBK yang ditubuhkan Pemuda Umno pada 1983, dilaporkan antara lain turut terbabit dalam projek penswastan pembangunan semula Kampung Haji Abdullah Hukum di Kuala Lumpur.

Ditanya adakah hasil siasatan Pemuda terhadap yayasan itu akan turut diserahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), Hishamuddin berkata, buat masa ini tidak.

"Ini kerana hasil siasatan yang saya jalankan tidak menunjukkan berlakunya penyalahgunaan aset," katanya.

Bagaimanapun, katanya, tujuan dan matlamat penubuhan YGBK untuk membasmikan kemiskinan sudah kabur dan beliau memberi jaminan bahawa matlamat asal penubuhan yayasan itu akan menjadi keutamaannya.

"Yayasan akan menjadi landasan Pemuda membantu golongan tidak bernasib baik. Kami akan menyusun satu pelan induk jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang jelas bagi menangani masalah kemiskinan termasuk ilmu dan penggunaan teknologi maklumat di kalangan masyarakat," katanya.

Hishamuddin berharap dengan adanya pelan induk itu, tiada lagi tuduh menuduh bahawa Pemuda tidak melaksanakan tanggungjawabnya dalam membela nasib rakyat miskin.

"Dulu (tanggungjawab membela nasib rakyat miskin) memang ada. Tapi ia dilaksanakan secara ad-hoc. Dengan adanya pelan induk ini, kita boleh tengok satu perancangan yang jelas membasmikan kemiskinan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelaksanaan pelan induk itu bergantung kepada jumlah aset yayasan.

"Kami sudah mempunyai idea apakah bentuk pelan induk yang akan dirangka dan ia tertakluk kepada jumlah aset yayasan," katanya yang tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar aset yayasan kerana ia masih dalam siasatan.

Dalam pada itu, Hishamuddin berkata, bahawa beliau; Aziz; Penolong Setiausaha Pemuda, Zulkifli Alwi dan Bendahari, Mokhzani Mahathir kini bertanggungjawab sebagai pemegang amanah yayasan.

Di samping itu, katanya, satu Jawatankuasa Pengurusan YGBK juga sudah ditubuhkan yang dipengerusikan Aziz dan dianggotai Ketua Pemuda Wilayah Persekutuan, Azim Zabidi dan Pengerusi Majlis Ekonomi Pemuda Umno, Supardi Md Noor.

(END)

